

Dua strategi bangunkan projek TRX

Menteri Kewangan Diperbandarkan (MoF Inc) akan menggunakan dua strategi dalam melaksanakan pembangunan projek Tun Razak Exchange (TRX) selepas mengambil alih aset itu daripada 1Malaysia Development Bhd (1MDB).

Menteri Kewangan II, Datuk Johari Abdul Ghani, berkata strategi pertama ialah menjual tanah kepada pembeli dan kemudian pembeli akan membangunkan kawasan ta-

nah berkenaan.

Strategi kedua pula, katanya, ialah mengadakan usaha sama dengan pemajak yang mana MoF Inc menyediakan tanah, manakala pemajak menyediakan kepakaran serta modal bagi membangunkan projek di kawasan berkenaan.

Bagi Bandar Malaysia pula, MoF Inc sudah menjalin kerjasama dengan Waterfront Holdings Sdn Bhd (IWH) dan China Railway Engineering Corp

(CREC) bagi membangunkan projek mega yang dianggarkan membabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) keseluruhan RM200 bilion.

Maksimum nilai aset

"1MDB akan menjadi syarikat bukan beroperasi. Saya berharap dengan semua aset (1MDB) yang diambil alih, kami akan memaksimumkan nilai aset berkenaan.

"Sebaik sahaja tiba masa un-

tuk membayar hutang, kami akan menggunakan nilai yang diwujudkan untuk membayar hutangnya (1MDB)," katanya dalam satu temubual eksklusif bersama kumpulan akhbar The New Straits Times Press (M) Bhd, di Putrajaya, kelmarin.

MoF Inc kini memegang 100 peratus saham 1MDB dan memiliki Bandar Malaysia Sdn Bhd, TRX City Sdn Bhd, tanah di Air Itam, Pulau Pinang dan Pulau Indah, Selangor.